

**Sumbangan Suku Huang Diiktiraf Ke Arah Pertumbuhan Ekonomi Malaysia  
Bernama  
04 Disember, 2011**

KOTA KINABALU, 4 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman mengiktiraf pentingnya sumbangan suku Huang dalam menjana pertumbuhan ekonomi Malaysia khususnya di Sabah.

Dalam hubungan ini, beliau berharap suku Huang akan terus memberikan sumbangan ke arah ekonomi tempatan.

"Ketekunan anda dalam menjalankan aktiviti perniagaan dan penyertaan dalam sektor perindustrian diiktiraf dan sebahagian daripada keseluruhan usaha dalam menjana ekonomi kita," katanya dalam ucapan pada perasmian Konvensyen Suku Huang Sedunia ke-11 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Yee Moh Chai.

Musa juga memuji suku Huang kerana bersama-sama dengan kumpulan lain di negara ini yang berpegang teguh untuk perpaduan.

"Kemampuan melihat melangkaui keperluan individu atau latar belakang bangsa kita masing-masing dan bekerja dengan semua rakyat Malaysia, adalah apa yang negara perlukan untuk mencapai kemajuan, kata beliau.

Beliau berkata nilai-nilai positif penerimaan antara satu sama lain dan untuk kekal bersatu adalah selaras dengan aspirasi konsep 1Malaysia.

Dalam hubungan ini, Musa menggesa semua rakyat Malaysia berpegang pada konsep 1Malaysia dan memahami inti pati pengenalannya dalam masyarakat.

Katanya kerajaan Sabah adalah kerajaan mesra pelabur dan mengalu-ngalukan cadangan dalam pertumbuhan pelbagai sektor ekonomi.

Musa berkata di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC), terdapat banyak peluang dalam pembangunan pertanian, minyak dan gas serta memproses bahan mentah hiliran.

Lebih 1,500 peserta dari China, Hong Kong, Taiwan, Vietnam, Kemboja, Thailand, Singapura, Indonesia, Filipina, Korea, Amerika Syarikat dan Malaysia menyertai konvensyen itu.

Huang adalah nama keluarga Cina yang bermakna "kuning keemasan" dan Huang merupakan nama keluarga ketujuh yang paling umum di China.

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631751>